

Harga ikan naik sehingga RM6 sekilogram

SH 25/5/2023 MS : 2

SEREMBAN - Kebanyakan peniaga di sini mengakui berlaku kenaikan harga ikan sejak kebelakangan ini antara RM2 hingga RM6.

Pengusaha Pasar Online N9, Muhammad Safwan Mohd Ghazali berkata, antara ikan yang naik harga ialah tenggiri batang, kenaikan sebanyak 10 hingga 15 peratus selepas Hari Raya Aidilfitri.

"Ikan tenggiri sebelum ini RM33

hingga RM35, sekarang sudah cecah RM39-RM41 sekilogram. Selain itu ikan jenahak sebelum Mac ialah RM33 hingga RM34 harta sekarang antara RM35 hingga RM36 sekilogram.

"Begini juga dengan ikan kembung sekitar RM18 hingga RM19 kini menecah RM21 hingga RM23 sekilogram. Kenaikan harga ini disebabkan pembekal naikkan harga sekali gus mendorong kami menaikkan harga jualan," katanya.

Sementara itu penyelia Pasar Borong Bahau, Jempol, Leon Tey berkata, pihaknya terpaksa menaikkan harga ikan sejak tiga bulan lalu selepas mengambil kira pelbagai faktor.

"Contohnya ikan kembung sebelum ini boleh dapat antara RM9 hingga RM10 kini menjadi RM13 hingga RM14 sekilogram.

"Antara faktor kenaikan harga adalah pembekal menaikkan harga, tambahan pula dengan pelaksanaan pekerja daripada RM1,200 kepada RM 1 , 5 0 0 . Semuanya untuk menampung pelbagai kos selain keuntungan yang diterima.

"Bagaimanapun, kalau lihat sekarang ini kebanyakan barang naik harga, sama seperti ayam. Saya sudah lama menghentikan jualan ayam kira-kira pertengahan tahun lepas sebab kos yang perlu ditanggung tidak berbaloi dengan keuntungan," katanya.



MUHAMMAD SAFWAN

INFO HARGA SEMASA IKAN

SELANGOR:

Jenis ikan:	Kembung (salz besar)
Harga (1kg):	RM10-RM12
Jenis ikan:	Kembung (salz kecil)
Harga (1kg):	RM8-RM10
Jenis ikan:	Cencaru
Harga (1kg):	RM8-RM10

IPOH/PERAK:

Jenis ikan:	Kembung
Harga (1kg):	RM15
Jenis ikan:	Selayang
Harga (1kg):	RM12
Jenis ikan:	Merah
Harga (1kg):	RM48

JOHOR:

Jenis ikan:	Kembung
Harga (1kg):	RM18-RM20
Jenis ikan:	Selayang
Harga (1kg):	RM15.50
Jenis ikan:	Cencaru
Harga (1kg):	RM11

PAHANG:

Jenis ikan:	Kembung
Harga (1kg):	RM20-RM22
Jenis ikan:	Tenggiri
Harga (1kg):	RM36.50